



KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

10/094/2015

11 NOVEMBER 2015

FATWA BERKENAAN DENGAN ZAKAT KE ATAS INDIVIDU PEMILIK SAHAM DAN KAEDAH PENGIRAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-094/2015 yang bersidang pada 11 November 2015 telah memutuskan bahawa:

1. Zakat **WAJIB** dikenakan terhadap pemilik-pemilik saham individu dan dikategorikan sebagai zakat saham.¹
2. Pemilik saham-saham tidak patuh syariah adalah **TIDAK DIHARUSKAN**.²

Bertarikh 11 November 2015
MJKPHSWP Kali ke 094/2015

DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Pengerusi
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak
Wilayah Persekutuan

- ¹ 1. Kadar zakat **wajib** dikeluarkan adalah 2.5% daripada nilai pasaran saham-saham semasa yang berada dalam pemilikannya. Oleh itu, saham yang dibeli untuk tujuan di urusniagakan atau berjangka pendek hendaklah dizakatkan dengan kadar sebanyak 2.5% daripada nilai pasaran semasa yang berada dalam pemilikannya.
2. Saham yang dibeli untuk mendapat tahunan atau pemilikan jangka panjang hendaklah dizakatkan dengan kadar sebanyak 2.5% daripada nisbah aset yang perlu dizakat daripada harga saham mengikut pasaran semasa. Pembayar perlu berikhtiar untuk menentukan nisbah harta (aset syarikat yang dikenakan zakat sekiranya ia tidak mempunyai maklumat tentangnya).
- ² 3. Sebarang keuntungan daripada penjualan semula saham tidak patuh syariah hendaklah dilupuskan dengan menyerahkannya kepada baitul mal atau saluran-saluran kebajikan. Manakala modal asas hendaklah dizakatkan sebagaimana zakat zakat wang simpanan dengan kadar 2.5% daripada jumlah tersebut.
4. Pemilikan saham yang bercampur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah hendaklah dibersihkan keuntungannya mengikut nisbah. Keuntungan (perbezaan harga beli dan harga jual) yang diperoleh hendaklah ditolak kadar nisbah tidak patuh syariah yang perlu dilupuskan. Manakala modal asas dan bagi keuntungan yang patuh syariah hendaklah dizakatkan sebagaimana zakat saham dengan kadar 2.5% daripada jumlah tersebut.